

Publication	Berita Harian	Section /Page No.	Isu/ Pg. 11
Date	Thu, 22nd Sept 2016	Lead Article	Yes
Headline	Kembalikan Kehebatan Bangsa Melayu		

Kembalikan kehebatan bangsa Melayu

Hari ini, berlangsung Persidangan Tahunan Majlis Perundingan Melayu (MPM) Ke-7. Penulis menceritakan sedikit mengenai latar belakang majlis ini bagi memberi penerangan, khususnya bagi pembaca yang masih tidak tahu akan peranan dan tugas MPM. Ia sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang menjaga kepentingan bangsa Melayu dalam konteks negara Malaysia yang mempunyai pelbagai kaum, etnik, budaya, agama dan sebagainya. Secara umumnya tujuan penubuhan MPM ialah untuk memperkukuh saf perpaduan dalam memperkasa masyarakat Melayu.

MPM dianggotai pelbagai tokoh dan individu Melayu dan Bumiputera yang mencipta nama dalam pelbagai bidang. Antara tokoh dalam MPM ialah seperti Tun Mohamad Haniff Omar, Tan Sri Abu Zahar Ujang, Tan Sri Dr Yusuf Noor, Tan Sri Abdul Aziz Rahman serta ramai lagi ahli profesional dan cendekiawan yang telah memberi sumbangan besar kepada negara.

Setiasaha Agung MPM, Datuk Dr Hasan Mad mengharapkan anak muda hari ini memandang tokoh dalam MPM ini sebagai satu model peranan untuk golongan ini. "Kehadiran tokoh ini boleh menimbulkan semangat mereka untuk menjadi bangsa Melayu yang berjaya," katanya.

Pastinya ramai di antara kita yang masih ingat lagi akan Perhimpunan Gerakan Perpaduan Melayu yang dianjurkan pada 2015. Perhimpunan ini dianjurkan MPM dengan kerjasama Universiti Teknologi MARA (UiTM), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Dewan

Bahasa dan Pustaka, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Biro Tatane-gara (BTN).

7 amanat Perdana Menteri

Dalam perhimpunan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menggariskan tujuh amanat utama sebagai panduan untuk bangsa Melayu melangkah maju di abad ke-21 dan menjadi sebuah bangsa yang kuat, hebat dan bermaruah. Amanat itu termasuk keperluan melatih orang Melayu menjadi bangsa berpengetahuan dan mengukuhkan ekonomi mereka, memperjuang kepentingan agama Islam dan syariahnya, mempertahankan institusi Raja Melayu dan keistimewaan orang Melayu, menegakkan maqasid syariah dengan bersikap sederhana, menjaga nilai murni dan menjaga institusi keluarga.

Ini hanyalah imbas kembali apa yang berlaku pada tahun lalu. Dan, pastinya kita mengharapkan segala yang diikrar sedang dan akan terus diusahakan demi memantapkan lagi perpaduan dan kekuatan bangsa Melayu. Jika dilihat pada sejarah pula, bangsa Melayu sebenarnya sudah lama hebat sejak beribu tahun lampau. Daripada beberapa kajian dilakukan, terdapat bukti untuk mempercayai bahawa sejak dari dahulu lagi dikatakan bangsa Melayu sudah mula bertapak serta pernah membina tamadun yang lebih hebat daripada Barat dan juga China.

Perlu diingatkan juga bahawa satu ketika dahulu, kerajaan Melayu Melaka adalah antara kerajaan Melayu terhebat serta mendapat pengiktirafan sebagai pusat dagangan utama di dunia. Mung-

Keratan akhbar BH pada 1 Mac 2015.



kin yang paling penting, ialah mengapa sejak dari dahulu lagi, kita sering mendengar daripada kajian dilakukan bahawa, bangsa Melayu sentiasa dikaitkan dengan perkembangan, ketamadunan dan peradaban yang tinggi, khususnya di rantau Asia Tenggara ini. Dalam kajian terbaru, Tapak Warisan Arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang, kini dipercayai sebagai tamadun tertua di Asia Tenggara.

Bina tamadun di Alam Melayu

Penemuan ini juga berkemungkinan besar membuktikan bangsa Melayu selama ini adalah sebuah bangsa yang pernah mempunyai satu ketamadunan yang maju

dan tinggi. Bahkan tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa orang Melayu adalah kumpulan pertama yang mendiami dan membina tamadun di Alam Melayu dan Pentas Sunda.

Apa yang dijelaskan di atas menggambarkan bahawa bangsa Melayu pernah menjadi satu bangsa yang hebat. Generasi hari ini perlu diberitahu akan kehebatan bangsa Melayu yang sudah wujud sejak lama dahulu. Persidangan MPM yang bakal diadakan ini diharap, akan terus membincangkan pelbagai agenda yang boleh menjadikan Melayu sebagai sebuah bangsa yang lebih hebat, bermaruah dan berkat.

Komentor



Shahbudin Embun

Jawatannya TERAJU,
Majlis Perundingan Melayu
Malaysia